

# Penyakit kulit jangkiti jerung di Sabah bukan sebab faktor manusia

JHT 26/7/2021 11:51:14

**SEMPORNA** - Faktor manusia boleh diketepikan sebagai punca penyakit kulit misteri yang menjangkiti jerung berhampiran lokasi menyelam popular di Pulau Sipadan dekat sini.

Bagaimanapun, ahli biologi Malaysia berpendapat, siasatan lanjut masih perlu dijalankan bagi mencari jawapan muk-

tamad membantu jerung berkenaan.

Ahli biologi marin kanan kumpulan pemuliharaan Reef Guardian, Davies Austin Spiji berkata, pakar marin perlu menjalankan siasatan lanjut berhubung fenomena itu tetapi usaha mereka terhad bagi tempoh jangka pendek kerana beberapa faktor.



Punca jerung di perairan Pulau Sipadan, Sabah dijangkiti penyakit kulit masih dalam kajian.

Menurutnya, kumpulan tersebut juga memerlukan dana untuk menyokong penyelidikan mengenai fenomena yu atau Triaenodon obesus diserang penyakit.

"Satu pasukan penyiasat yang diketuai Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjalankan kerja lapangan pertama dari April hingga awal Mei lalu," katanya.

Selain Davies, pasukan itu mempunyai lima penyelidik iaitu Dr Mabel Manjaji Matsumoto, Dr Rafidah Othman, Muhammad Ali Syed Hussein, Dr Zarinah Waheed dan Dr Mohd Tamrin Mohd Lal, dari Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS (BMRI-UMS).

"Para penyelidik dapat melihat penyakit kulit itu pada setiap kumpulan yu yang ditemukan, tetapi sukar menangkap jerung itu bagi mendapatkan sampel kulit untuk analisis makmal.



DAVEIS AUSTIN

"Faktor manusia boleh diketepikan tetapi pemanasan laut antara satu daripada penyebab selepas pasukan penyiasat mendapati suhu permukaan laut di Sipadan meningkat kepada 29.5 darjah Celsius pada Mei iaitu tinggi berbanding tahun 1985.

"Ia mungkin mengambil masa dua tahun untuk dapat memantau sepenuhnya dan menangani fenomena jerung berpenyakit," katanya.

Pulau Sipadan, dengan ketinggian 600 meter dari dasar laut terletak di pantai timur Sabah di Semporna, menghimpunkan sekitar 400 spesies ikan dan ratusan spesies karang.

Yu Sirip Putih, dinamakan sempena ciri *distingtif* warna putih pada hujung siripnya dan ikan itu biasanya terdapat di sekitar terumbu karang dan menjadi tarikan popular bagi penyelam. - Bernama